

DATE: 21/03/2000

## Raja-raja mampu jadi tonggak perpaduan umat Islam

KUALA LUMPUR 20 Mac — Raja-raja Melayu mampu menjadi tonggak perpaduan masyarakat Islam negara ini jika benar-benar memahami fungsi mereka sebagai ketua agama.

Penolong Ketua Pengarah Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM), Datuk Dr. Abdul Munir Yaakob berkata, walaupun dalam Perlembagaan Malaysia Raja-Raja Melayu hanya disebut sebagai ketua agama, peranan mereka sebenarnya lebih luas dan menyeluruh.

Tambahnya, raja-raja Melayu sebenarnya bertanggungjawab terhadap apa sahaja hal-ehwal umat Islam dan itulah yang tersirat di sebalik peruntukan di bawah perlembagaan itu.

Justeru beliau percaya raja-raja juga boleh menyatukan kembali masyarakat Islam negara ini yang berpecah akibat perbezaan fahaman politik.

“Peranan inilah antara yang dilaksanakan Rasulullah dan khalifah Islam ketika zaman pemerintahan Islam dahulu.

### Pengajaran

“Ketika zaman tersebut, soal perpaduan amat dititikberatkan sebelum membentuk sesebuah negara kerana ia adalah perkara asas,” katanya di sini hari ini.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas saranan Imam Besar Masjid Putra, Putrajaya, Tan Sri Abdul Kader Talip supaya raja-raja Melayu bersuara serta menggunakan kuasa mereka sebagai ketua agama untuk menyatukan kembali umat Islam yang bertentangan pendapat akibat perbezaan fahaman politik negara ini.

Dr. Abdul Munir seterusnya mengingatkan bagaimana Rasulullah telah mempersaudarakan terlebih dahulu kaum Muhajirin dan Ansar dan kemudiannya telah menyatupadukan antara orang Islam dengan yang bukan Islam ketika hendak membentuk Madinah.

Jadi katanya, raja-raja Melayu boleh kembali kepada sejarah kerana ia dapat memberi pengajaran berguna.

Dalam pada itu, menurut Dr. Abdul Munir, setiap rakyat perlu menumpahkan taat setia kepada raja-raja kerana mereka diumpamakan sebagai pemerintah walaupun tidak mempunyai kuasa di dalam politik.